



KAPAL Rachel Corrie kini meneruskan pelayaran dan dijangka tiba ke Gaza hari ini biarpun menghadapi halangan pihak berkuasa Israel.



WAJAH-WAJAH ceria sukarelawan Malaysia yang dibebaskan dari Penjara Ela, Israel dan kini berada di Amman, Jordan.

'Kami dilayan seperti penjenayah'

KUALA LUMPUR - "Kami ditahan seperti penjenayah perang selama 28 jam di penjara Israel."

Itu pengalaman yang tidak mungkin dilupakan oleh 12 sukarelawan Malaysia yang ditahan pihak berkuasa Israel selepas kapal bantuan kemanusiaan ke Gaza 'Mavi Marmara' diserang tentera Israel di perairan antarabangsa tiga hari lepas.

Menurut Ketua Misi Sukarelawan Malaysia, Noorazman Mohd. Samsuddin, mereka tidak boleh bergerak bebas sehinggakan hendak membuang air pun tidak dibenarkan.

"Bayangkanlah betapa azabnya keadaan kami pada ketika itu menghadapi kekejaman rejim Zionis," katanya.

Wartawan penyiaran Astro Awani, Ashwad Ismail, 25, yang menyertai misi bantuan tersebut juga turut menceritakan bagaimana dia cemas selepas terpisah dengan jurukamera, Samsulkamal Abdul Latip selepas serangan komando Yahudi tersebut.

Katanya, kedua-dua mereka terpisah selepas ditahan dan digari oleh tentera Israel, dan hanya ditemukan selepas dibebaskan di



NOORAZMAN



ASHWAD

sempadan Israel-Jordan semalam.

"Layanan diterima dalam tempoh 28 jam itu menggambarkan konflik enam dekad dialami rakyat Palestin yang tertindas," katanya.

Lebih menakutkan kata Ashwad, tentera Israel menggunakan peluru hidup ketika berdepan dengan sukarelawan yang hanya menggunakan peralatan bukan senjata, seperti air pili bomba.

Katanya, dia sempat melihat dua sukarelawan yang berada di tepinya terkena tembakan di tangan dan bahu.

Seorang lagi sukarelawan dari Malaysia, Dr. Selamat Aliman, 54, tinggal sehelai spinggang selepas semua barangan peribadi seperti beg, telefon bimbit dan komputer riba hilang ketika ditahan. Bagaimanapun, penderitaan yang dialami tidak lama selepas pihak berkuasa Yahudi membebaskan mereka bersama sukarelawan dari negara lain.

Mereka dibawa menaiki tiga bas menuju ke Jambatan Raja Hussein di sempadan Israel-Jordan dan disambut oleh Duta Malaysia ke Jordan, Datuk Malek Abdul Aziz.

Dalam kejadian pada pukul 7.30 pagi (waktu Malaysia) Isnin lalu, 19 orang dipercayai terbunuh dan ramai cedera apabila komando Israel menyerang kapal Turki, Mavi Marmara yang mendahului kapal-kapal lain dalam misi menghantar 5,000 tan bahan binaan, bekalan sekolah dan peralatan perubatan ke Gaza.

Nasib sebuah lagi kapal bantuan kemanusiaan MV Rachel Corrie dijangka tiba ke Gaza hari ini dan memuatkan enam rakyat Malaysia masih belum diketahui.

Sementara itu, usaha untuk membawa pulang rakyat Malaysia dari Jordan sedang diusahakan oleh Kedutaan Malaysia di sana.

Kosmo

31061200 NASH

INFO MV Rachel Corrie

Kapal tajaan Perdana Global Peace Organisation (PGPO) yang dipengerusikan Tun. Dr. Mahathir Mohamad

Enam rakyat Malaysia yang dipercayai berada di dalam kapal MV Rachel Corrie:

1. Shamsul Akmar Musa Kamal - Wakil PGPO
2. Matthias Chang - Wakil PGPO
3. Ahmad Faizal Azumu - Wakil PGPO
4. Mohd. Nizar Zakaria - Ahli Parlimen Parit
5. Halim Mohamed - Wartawan TV3
6. Mohd. Jufri Judin - Jurukamera TV3

Alamat: Perdana Global Peace Organisation
5th Floor, No. 88, Jalan Perdana,
Taman Tasek Perdana,
50480, Kuala Lumpur
Tel: 03 - 20927248

Kapal MV Rachel Corrie teruskan pelayaran ke Gaza

Oleh MAHATHIR JAMIL


mahathir.jamil@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR – Kapal MV Rachel Corrie, sebuah lagi kapal yang membawa muatan bantuan kemanusiaan ke Gaza meneruskan misinya semalam.

Naib Presiden Muslim Care, Zulkifli Nani berkata, melalui sumber yang diterimanya, kapal itu dijangka tiba di Gaza hari ini.

“Kapal MV Rachel Corrie akan meneruskan misi dan ia turut mendapat sokongan penuh daripada Perdana Menteri Irish, Brian Cowen.

“Brian Cowen turut memberi amaran keras kepada Israel supaya tidak mengganggu perjalanan kapal itu dan kesan buruk akan berlaku jika menyeronongnya,” katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.



INFOGRAFIK menunjukkan bandar raya Amman, Jordan (gambar kecil), lokasi pembebasan sukarelawan Malaysia oleh kerajaan Israel semalam.